

ERA BARU

DATE: 2/ 5/ 2008

Mahathir sedih negerinya ditawan pembangkang

Era Baru - 2/5/2008

OLEH
PEMBERITA ERA BARU

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang berasal dari Alor Setar, Kedah, berasa amat sedih kerana negerinya telah ditawan oleh pembangkang dari PAS.

Belum pernah lagi sebelum ini di mana parti pembangkang berjaya menawan negeri

itu biarpun PAS telah berkali-kali sebelum ini sudah hampir menawan Kedah dalam pilihan raya umum. Tetapi kali ini entah apa yang menyebabkan ia jatuh ke tangan PAS dengan menolak UMNO / BN yang telah mentadbir negeri itu sekian lama.

Semasa Tun Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, Pulau Langkawi, iaitu sebahagian


dari negeri Kedah, beliau begitu kerap melawat pulau itu untuk melihat dan meneliti semua projek pembangunan yang diilhamkannya, termasuklah projek LIMA yang diadakan setiap tahun.

Kini Langkawi mempunyai lapangan terbang yang besar, hotel-hotel lima bintang dan banyak lagi untuk dilihat dan dimanfaatkan oleh para pelan-

cong luar dan dalam negara.

Menurut Dr Mahathir, beliau berasa sedih apabila berada di Langkawi baru-baru ini, melihat bendera PAS dikibarkan di bangunan-bangunan kerajaan dan semi kerajaan yang dahulunya dihiasi dengan bendera negeri Kedah dan Persekutuan.

Persoalannya, di mana silapnya keadaan ini boleh berlaku ?



Tun Dr Mahathir Mohamad